



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 27  
Bil. 15

28hb Julai 1983

TAMBAHAN No. 10  
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 25.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976  
(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL (PENGENDALI MAKANAN)  
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG, 1983

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang dibuat oleh seksyen 73 Akta Akta 171. Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dengan ini membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah disebutkan sebagai **Undang-Undang Kecil (Pengendali Makanan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1983** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Ogos 1983. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Di dalam undang-undang kecil ini melainkan jika kandungan Tafsiran. ayatnya menghendaki makna yang lain—

“makanan termasuk setiap barang yang digunakan untuk makanan atau minuman oleh manusia atau yang termasuk ke dalam atau digunakan di dalam rancangan atau penyediaan barang sedemikian dan juga termasuk bahan-bahan pewarna dan perisa dan perasa tetapi tidak termasuk—

(a) barang atau bahan yang digunakan hanya sebagai dadah;

(b) binatang atau burung hidup; atau

(c) makanan ternak atau barang makanan untuk binatang burung atau ikan;

“penyediaan” termasuk membuat, membungkus, menghantar, membawa, menyimpan dan menghidang makanan dan perkataan “menyedia” hendaklah ditafsir dengan sewajarnya;

“jualan” atau “menjual” termasuk pertukaran barang, dan juga termasuk menawar atau mencuba atau menyebabkan atau membenarkan dijual, atau mendedah untuk jualan, atau menerima atau mengirim atau menghantar untuk jualan, atau membekalkan sebarang makanan di mana bayaran akan diterima oleh pembekal bagi bekalan itu sama ada secara khusus atau sebagai sebahagian dari perkhidmatan yang dikontrakkan, atau memiliki sebarang makanan dengan mengetahui bahawa makanan tersebut mungkin dijual atau ditawarkan atau didedahkan untuk jualan dan merujuk hanya kepada jualan bagi makanan atau kegunaan manusia.

Bekalan air. 3. Sesiapa jua yang menjual atau menyediakan makanan untuk dijual tidak boleh menggunakan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan perniagaannya—

(a) sebarang air selain dari air dari kepala paip yang disambung ke sesalur air dari-bekalan air awam; atau

(b) sebarang air dari kepala paip atau sumber lain di dalam tandas persendirian atau tandas awam.

Kebersihan tempat-tempat yang digunakan untuk penyediaan dan penjualan makanan. 4. (1) Setiap orang yang menjual atau menyediakan makanan untuk dijual hendaklah pada setiap masa menjaga tempat yang digunakan untuk penjualan atau penyediaan sedemikian supaya ianya berada di dalam keadaan bersih.

(2) Orang itu hendaklah juga menjaga agar sebarang kawasan, laluan atau ruang dihadapan, di belakang atau di tepi tempat yang digunakan untuk jualan atau penyediaan sedemikian berada di dalam keadaan bersih dan di tempat itu tidak dikumpulkan benda yang mudarat atau busuk, atau sampah-sarap atau sebarang benda atau barang yang dibuang olehnya.

makanan. hendaklah dijaga supaya tidak terdedah kepada habuk dan sebagainya. 5. Setiap orang yang menjual atau menyediakan sebarang makanan untuk dijual hendaklah pada setiap masa menjaga agar makanan dan semua bekas, perkakas, kenderaan, benda, perkakas dapur, alat pertukangan, bangku, alat pelepas, jentera dan perkakas yang lain yang digunakan berkaitan dengan makanan sedemikian itu bersih dan tidak terdedah kepada habuk, bau busuk, vermin dan lalat atau serangga lain.

Penjualan makanan yang tidak bersih adalah dilarang. 6. (1) Sesiapa jua tidak boleh menjual sebarang barang makanan yang tidak bersih atau mengandungi sebarang benda yang asing kepada jenis makanan sedemikian.

(2) Sesiapa jua tidak boleh menjual atau membungkus untuk dijual sebarang barang makanan di dalam bungkus yang tidak bersih.

Kebersihan diri pengendali makanan. 7. (1) Setiap orang yang menjual atau menyediakan makanan untuk dijual hendaklah, apabila berbuat demikian, menjaga agar pakaian dan badannya berada di dalam keadaan bersih.

(2) Setiap orang yang menjual atau menyediakan makanan untuk dijual hendaklah membasuh tangannya dengan sempurna dengan menggunakan sabun dan air yang bersih tiap-tiap kali sebelum memulakan jualan atau penyediaan sedemikian atau selepas keluar dari sebarang tempat buang air kecil, tandas atau sebarang tempat yang sama dan sebelum meneruskan jualan atau penyediaan sedemikian.

(3) Sesiapa jua tidak boleh meludah, mengesang hidung, merokok atau menggunakan tembakau atau tembakau serbuk atau sebarang penyediaan yang lain atau mengunyah tembakau atau pinang semasa menjual atau menyediakan sebarang makanan untuk dijual.

(4) Sesiapa jua yang tangan atau jarinya luka atau melecet tidak boleh menjual atau menyediakan makanan untuk dijual kecuali luka atau lecetan kulit itu dibalut dengan sempurna dengan pembalut yang kalis air.

8. Sesiapa jua—

Orang yang  
dilarang  
mengendalikan  
makanan.

- (a) yang mengidap penyakit yang berjangkit;
- (b) yang menjadi pembawa sebarang penyakit menular;
- (c) yang mengidap penyakit yang menyebabkan nanah atau serum keluar dari mana-mana bahagian tubuh atau penyakit kulit yang lain;
- (d) yang mempunyai sebab mempercayai atau menyaki bahawa ia mungkin membawa organisma yang membawa penyakit; atau
- (e) yang mempunyai hubungan dengan mana-mana orang yang mengidap penyakit berjangkit, tidak boleh menjual atau menyediakan untuk dijual sebarang barang makanan atau sebarang benda yang diguna atau mungkin akan digunakan sebagai makanan atau sebarang bahan yang diguna atau mungkin akan digunakan sebagai pembungkus atau bekas untuk makanan.

9. Sesiapa jua tidak boleh menggunakan bagi tujuan mengesat atau mencuci atau menggilap sebarang makanan untuk dijual atau sebarang bungkusan atau perkakas yang digunakan dengannya, sebarang kain buruk atau kain selain dari pengesat yang sempurna atau kain yang disimpan semata-mata untuk tujuan itu dan dijaga agar bersih pada setiap masa.

Kain yang  
digunakan  
untuk tujuan-  
tujuan mencuci  
hendaklah di-  
gunakan  
dengan  
sempurna.

10. (1) Sesiapa jua tidak boleh menjual atau menyediakan untuk dijual sebarang barang makanan dalam sebarang kandang, tempat buang air kecil, tandas atau sebarang tempat yang mana pada bila-bila masa digunakan untuk tidur atau yang bersambung terus dengan tempat tidur atau sebarang kandang, tempat buang air kecil, tandas atau dalam sebarang tempat di mana terdapat sebarang binatang atau burung.

Tempat-tempat  
yang dilarang  
untuk menyedia  
atau menjual  
makanan.

(2) Sesiapa jua tidak boleh menjual atau menyediakan untuk dijual sebarang barang makanan dalam mana-mana tempat di mana sesuatu, binatang atau burung peliharaan, atau sebarang kerja dijalankan di mana barang makanan sedemikian mungkin tercemar atau kebaikannya atau kebersihannya terjejas.

(3) Sesiapa jua tidak boleh meletak, menyimpan, membawa, membenteng atau menggunakan atau membiar diletak, disimpan, dibawa, dibenteng atau digunakan dalam mana-mana tempat yang digunakan untuk jualan atau penyediaan sebarang makanan untuk dijual, sebarang racun atau sebarang benda yang mudarat atau busuk atau sebarang bahan lain yang mungkin mencemarkan kebaikan makanan itu; tetapi apa pun di dalam ini tidak boleh menghalang penggunaan dengan sempurnanya ubat sembur yang mengandungi racun bagi tujuan mengawal serangan serangga atau serangga perosak yang lain. Ini adalah dengan syarat penggunaan sedemikian tidak mencemarkan kebaikan makanan itu.

Bekas-bekas  
yang dilarang.

11. (1) Sesiapa jua tidak boleh memuat, membawa atau menyimpan sebarang barang makanan untuk dijual di dalam sebarang beg, guni atau bekas yang sama yang pernah pada bila-bila masa mengandungi atau digunakan untuk membawa sebarang racun, bahan yang mudarat atau sebarang bahan yang mungkin membuat makanan sedemikian busuk atau tidak layak untuk makanan manusia.

(2) Sebarang kotak, bakul atau bekas lain yang tidak bersih tidak boleh digunakan untuk memuat atau menyediakan sebarang barang makanan untuk dijual.

Pencemaran  
makanan.

12. (1) Sesiapa jua tidak boleh meletak hingga terkena sebarang makanan untuk dijual atau dalam sebarang bungkusan yang mengandungi makanan untuk dijual, sebarang benda plastik, logam atau benda yang lain, atau barang yang lain yang mana akan dijual atau diberi kepada pembeli apabila makanan itu dijual kecuali benda, atau barang itu dibungkus seluruhnya dengan pembungkusan yang dibuat dari bahan yang tidak akan mencemarkan makanan itu dan yang tidak mengandungi bahan-bahan yang mungkin akan diserap oleh atau mungkin termasuk ke dalam makanan itu dan sesiapa jua tidak boleh meletak sebarang benda atau barang di dalam sebarang makanan dengan cara yang akan bercampur atau ditutup oleh makanan itu.

(2) Setiap orang yang menjual sebarang makanan yang biasanya dimakan di dalam keadaan ianya dijual hendaklah melindungi makanan sedemikian, sehingga ianya dihantar kepada pembeli dengan menyimpannya di dalam bekas-bekas yang bertudung atau cara-cara lain yang berkesan.

(3) Sesiapa jua tidak boleh membawa untuk dijual sebarang barang makanan yang biasanya dimakan di dalam keadaan ianya dijual kecuali ianya dimuat atau diisi di dalam bekas atau bungkusan lain yang dibuat supaya mencegah barang makanan sedemikian tercemar.

(4) Sesiapa jua tidak boleh membawa, meletak atau menempatkan atau membenarkan dibawa, diletak atau ditempatkan di dalam mana-mana kenderaan yang digunakan untuk membawa barang makanan yang biasanya dimakan dalam keadaan ianya dijual, sebarang kotoran, benda busuk atau bahan lain yang mungkin mencemarkan kebaikan atau kebersihan barang makanan yang dibawa di dalamnya.

(5) Sesiapa jua tidak boleh menggunakan, berkaitan dengan jualan atau penyediaan sebarang barang makanan untuk dijual yang biasanya dimakan di dalam keadaan ianya dijual sebarang kertas bertulis atau bahan bercetak dengan mana-mana cara di mana makanan sedemikian boleh terkena tulisan atau bahan bercetak itu.

(6) Sesiapa jua tidak boleh menjual sebarang barang makanan yang biasanya dimakan di dalam keadaan ianya dijual, yang mana telah terjatuh, diletak atau disimpan di atas sebarang kaunter bar atau lantai kecuali ianya terlindung atau dibungkus supaya melindungi barang makanan itu dari pencemaran.

13. Sesiapa jua tidak boleh menjual atau menyediakan untuk dijual sebarang makanan di mana-mana bangunan, jalan atau kawasan lapang di aras yang lebih rendah dari 0.4572 meter dari aras tanah bangunan, jalan atau kawasan lapang sedemikian.

Penyediaan dan jualan makanan jauh dari aras tanah.

14. (1) Sesiapa jua tidak boleh menggunakan bagi tujuan menghidang makanan untuk dijual, sebarang bekas minuman atau bekas makanan yang tidak dicucikan selepas ianya digunakan sebelum itu, samada atau tidak bekas itu dihidang semula kepada orang yang menggunakan bekas itu pada mulanya.

Perkakas dapur.

(2) Sesiapa jua tidak boleh menyimpan untuk diguna bagi jualan atau penyediaan untuk dijual sebarang makanan dalam sebarang bekas minuman, pinggan, piring atau bekas-bekas lain yang sumbing, pecah atau retak.

15. (1) Setiap orang yang menjual atau menyediakan untuk dijual sebarang makanan yang biasanya dimakan di dalam keadaan ianya dijual, tidak boleh semasa menjual atau menyediakan—

Memegang makanan.

(a) memegang atau membenarkan dipegang sebarang makanan dengan jarinya, tetapi hendaklah menggunakan penyeduk, penyepit atau alat lain yang sesuai bagi setiap tujuan sedemikian; dengan syarat setengah orang atau segolongan orang boleh dikecualikan dengan mendapat kelulusan bertulis daripada Yang Dipertua;

(b) menyentuh jarinya ke mulut, mata, telinga, hidung atau kepalanya semasa menjalankan kerja-kerja membungkus atau menghidang;

(c) menghembus nafasnya untuk membuka sebarang beg atau bahan pembungkus;

(d) menyapu tangannya di atas pakaiannya atau dengan cara lain selain dari tuala atau kain yang bersih;

(e) meletak, sehingga ianya boleh terkena makanan untuk dijual, sebarang benda, alat atau barang yang kotor atau boleh mencemarkan makanan sedemikian, atau yang telah terkena mulut; atau

(f) batuk atau bersin ke atas makanan.

(2) Penyeduk, penyepit atau alat lain yang sesuai yang digunakan untuk memegang sebarang makanan yang biasanya dimakan di dalam keadaan ianya dijual hendaklah dicuci selalu dan bebas dari pencemaran pada setiap masa.

(3) Sesiapa jua yang menjual atau menyediakan sebarang makanan untuk dijual tidak boleh menyentuh ke mulut sebarang perkakas yang diguna untuk atau berkaitan dengan jualan atau penyediaan sedemikian.

(4) Sesiapa jua yang terlibat dengan jualan atau penyediaan sebarang makanan yang biasanya dimakan di dalam keadaan ianya dijual, tidak boleh membawa sebarang perkakas atau alat yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau penyediaan sedemikian dengan cara yang akan menjejaskan kebaikan, kebersihan atau kebebasan dari pencemaran makanan sedemikian.

Membawa Makanan

16. (1) Sesiapa jua tidak boleh menggunakan sebarang kenderaan, pengangkutan atau bekas yang tidak bersih untuk membawa atau menghantar sebarang makanan untuk dijual.

(2) Sesiapa jua tidak boleh menggunakan sebarang kenderaan, pengangkutan atau bekas untuk membawa atau memuatkan sebarang binatang, burung atau barang-barang lain yang mana kebaikan kebersihan atau kebebasan dari pencemaran sebarang makanan untuk dijual, dibawa atau dimuat atau biasanya dibawa atau dimuat dalam kenderaan, pengangkutan atau bekas sedemikian akan atau mungkin terjejas.

Pemeriksaan doktor.

17. (1) Sesiapa jua yang menjual atau menyediakan sebarang makanan untuk dijual boleh dikehendaki oleh Pegawai Kesihatan supaya menjalani pemeriksaan doktor untuk memastikan yang ia sihat bagi menjalankan kerja tersebut.

(2) Pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan oleh Pegawai Kesihatan atau wakilnya.

(3) Jika seseorang yang diperiksa kesihatannya didapati oleh Pegawai Kesihatan atau wakilnya mengidap penyakit berjangkit atau menular atau sebarang penyakit kulit yang merbahaya atau pada pendapat pegawai perubatan atau kesihatan mungkin menjadi punca jangkitan, Pegawai Kesihatan hendaklah dengan sertamerta melarang orang yang diperiksa itu dari bekerja di mana-mana tempat yang digunakan untuk menjual atau menyediakan sebarang makanan untuk dijual, sehingga satu masa kelak Pegawai Kesihatan atau wakilnya mengesahkan bahawa orang yang berkenaan itu telah sembuh atau tidak mungkin lagi menjadi punca jangkitan.

(4) Seseorang—

(a) yang enggan menjalani pemeriksaan doktor apabila diminta supaya berbuat demikian; atau

(b) yang mana setelah diperiksa oleh doktor dan dilarang; terus bekerja di mana-mana tempat yang digunakan untuk menjual atau menyediakan sebarang makanan untuk dijual, adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini.

(5) Pemunya, pemegang lesen, penghuni atau penjaja mana-mana tempat yang digunakan untuk menjual atau menyediakan sebarang makanan untuk dijual, yang mana, setelah diberitahu secara bertulis oleh Pegawai Kesihatan bahawa seseorang yang bekerja di tempat yang digunakan untuk menjual atau menyediakan makanan untuk dijual telah enggan menjalani pemeriksaan doktor atau, setelah diperiksa, dilarang dari bekerja, membenarkan orang-orang seperti itu terus bekerja di tempat sedemikian atau berada di dalam kawasan tersebut adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

---

18. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan.

Diperbuat pada 25hb November 1982.  
[PSUK/PP/004. 5. 1. 3.]

DATUK MOHAMED BIN YEOP ABDUL RAOF,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Pulau Pinang,*  
*Pulau Pinang*

Disahkan pada 23hb Jun 1983.

NG WEE KOK,  
*Setiausaha Majlis,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Pulau Pinang*